

NURUL HASLIANA BINTI HAMSAWI NOREWANI BINTI SUKRI

Program AURA: Pengenalan kepada Penerbitan Buku Digital Bersiri adalah merupakan satu program bersiri yang dianjurkan oleh pihak AURA. Program Pengenalan kepada Penerbitan Buku Digital telah diadakan bagi siri 1 pada 13 April 2022 bertempat di Platform Zoom Meeting. Dr. Amaal Fadhlini binti Mohamed, Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, UMK telah dijemput untuk memberikan pendedahan berkenaan kemahiran penerbitan buku digital. Seramai lebih kurang 100 orang peserta yang mengikuti program ini dan peserta yang terlibat adalah Pensyarah, Pelajar Universiti Malaysia Kelantan, Anggota Lembaga Koperasi (ALK), Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) dan kakitangan ANGKASA seta orang awam. Program ini dianjurkan bertujuan untuk melahirkan masyarakat yang kompeten, berpengetahuan dan kreatif. Di samping itu, perkongsian daripada penceramah telah sedikit sebanyak membuka minda para peserta tentang penerbitan buku dan menyerlahkan lagi bakat menulis dalam jiwa masing-masing. Program ini perlu diteruskan bagi memberikan pendedahan lebih kepada pensyarah dan ahli koperasi yang mempunyai bakat dalam penulisan serta bagi memberikan galakan dalam menghasilkan lebih banyak penerbitan judul-judul baharu dalam pelbagai bidang dengan lebih besar, bersepada dan lebih cepat.

